

0007

U B566 DEB
MAHATHIR - BAZIR

KUALA LUMPUR, 22 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGUR SEGOLONGAN UMAT ISLAM YANG SUKA MEMBAZIRKAN WAKTU DAN TENAGA SERTA BOROS BERBELANJA.

+AMALAN ITU MERUGIKAN DIRI SENDIRI DAN KESANNYA AKAN MENGGUGAT KESTABILAN EKONOMI NEGARA,+ KATA PERDANA MENTERI DALAM PERUTUSANNYA DALAM BUKU CENDERAMATA MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN YANG BERMULA KHAMIS INI DI PUSAT ISLAM DI SINI.

ISLAM MELARANG UMATNYA MEMBAZIR DAN MEREKA YANG MELAKUKANNYA DIANGGAP SEBAGAI +SAUDARA SYAITAN,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA, MEREKA YANG SUKA MEMBAZIRKAN WAKTU DAN TENAGA DENGAN BERFOYA-FOYA DAN MENGHABISKAN MASA DI TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN SEBAGAINYA PERLU MENYEDARI BAHAWA NEGARA MEMERLUKAN TENAGA MEREKA BAGI MELAKUKAN SESUATU YANG BERFAEDAH.

WALAU PUN PADA LAHIRNYA ADA PEKERJAAN YANG TIDAK MEMBERI PULANGAN YANG BANYAK TETAPI JIKA NIAT BEKERJA ITU IKHLAS, MAKA KERJA ITU DIANGGAP SATU IBADAT, KATA BELIAU. -- LAGI.

1240MST 22 04 86

0890

U B567 DEB
MAHATHIR - BAZIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SER DR MAHATHIR BERKATA TEMA MUSABAQAH +BERJIMAT BERKAT, MEMBAZIR MUDARAT+ DIPILIH MEMANDANGKAN UMAT ISLAM PERLU MEMBIASAKAN DIRI DENGAN BERJIMAT-CERMAT KERANA AMALAN ITU DITUNTUT OLEH ISLAM.

KATANYA, MEMANDANGKAN NEGARA SEDANG MENGHADAPI ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI, AMALAN JIMAT-CERMAT BUKAN SAHAJA DAPAT MEMPERTEGUHKAN EKONOMI UMAT BAHKAN DAPAT MEMPERKUKUHKAN EKONOMI NEGARA.

BELIAU BERKATA, AMALAN BERJIMAT ITU TIDAK TERBATAS KEPADA KEDUDUKAN PENDAPATAN SESEORANG ATAU KEADAAN, SAMA ADA KEMELESETAN ATAU MEWAH.

JIKA UMAT ISLAM PANDAI BERJIMAT DAN MENGATURKAN PERBELANJAAN, +KITA DAPAT MENOLONG ORANG LAIN YANG MEMERLUKAN PERTOLONGAN DAN YANG PENTING IALAH MENGGUNAKAN HARTA YANG TERKUMPUL ITU BAGI MENGEMBANG DAN MEMBANGUNKAN ISLAM.+ -- BERNAMA.

1241MST 22 04 86